

**Keputusan mesyuarat JK Kelulusan Pemberian Subsidi Ayam dan Telur bil 9/2022 pada 14 Jun 2022**

1. Penternak yang tidak mempunyai lesen menternak boleh membuat permohonan subsidi bagi penjualan ayam / telur dari 5hb Februari 2022 hingga 30hb Jun 2022.
2. Permohonan subsidi dipermudahkan dengan hanya menggunakan borang di atas talian (online) seperti di bawah tanpa perlu melampirkan semua invois jualan. Hanya perlu upload Borang Ringkasan Invois (Summary Invoice) yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya Sumpah sahaja. Permohonan secara atas talian boleh mula dibuat pada 15hb Jun 2022.
  - Borang permohonan subsidi <https://tinyurl.com/permohonan-subsidi>
  - Borang (template) Ringkasan Invois (Summary Invoice) <https://bit.ly/borang-invois>
3. Tambahan subsidi diberi kepada penternak persendirian sebanyak 80 sen, penternak integrator 40 sen dan penternak kontrak 40 sen. Pembayaran akan dibuat terus ke akaun penternak berdasarkan permohonan terdahulu bagi penjualan ayam pada April hingga Jun 2022.